Akademika 96(3), October 2026
https://doi.org/10.17576/akad-2026-9603-08

Bahasa Diraja dalam Adat Istiadat Pahang: Analisis Linguistik terhadap Dokumen Perundangan, Warkah dan Amalan Istiadat

Royal Language in the Ceremonial Customs of Pahang: A Linguistic Analysis of Legal Documents, Royal Correspondence and Ceremonial Practices

ABDUL MONIR YAACOB, ZURAIDAH HASSAN*, NOR AZIZAH OTHMAN &
NUR MOHD IQZUAN SAMSUDIN

Received: 17-1-2026/Accepted: 15-9-2026

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis bentuk, fungsi dan pemaknaan Bahasa Diraja dalam adat istiadat Negeri Pahang dengan menumpukan bukti linguistik yang terkandung dalam dokumen dan amalan rasmi negeri. Persoalan utama kajian ialah bagaimana kata ganti nama, gelaran, formula sapaan, kosa kata istana serta ungkapan pemulukan dan pendinaan berfungsi dalam konteks komunikasi diraja yang berbeza. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif melalui analisis kandungan terhadap Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang, teks doa istiadat, dua bentuk warkah rasmi serta teks pengendalian Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Pahang pada 31 Oktober 2023. Sulalatus Salatin dan Hukum Kanun Melaka digunakan sebagai sumber latar sejarah, manakala temu bual dengan informan utama institusi digunakan untuk menjelaskan konteks penggunaan data. Analisis berasaskan Teori Kesantunan Brown dan Levinson serta konsep kesantunan Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa Bahasa Diraja Pahang berfungsi melalui pengagungan kedudukan raja, perendahan diri penutur, pengawalan arah komunikasi dan pembakuan formula bahasa dalam istiadat, warkah serta dokumen perundangan. Penggunaan bentuk seperti 'patik', 'beta', 'Ampun Tuanku', 'sembah patik mohon diampun' dan 'menjunjung titah' memperlihatkan bahawa makna Bahasa Diraja melampaui makna leksikal kerana terikat dengan adab, hierarki dan autoriti institusi. Kajian ini menyumbang kepada dokumentasi warisan linguistik Pahang dan mempunyai implikasi terhadap latihan protokol, pendidikan warisan, penggunaan bahasa dalam media rasmi serta pembinaan korpus Bahasa Diraja yang lebih sistematik pada masa hadapan.

Kata kunci: Bahasa Diraja; adat istiadat Pahang; kesantunan Melayu; identiti istana; warisan Melayu

ABSTRACT

This study analyses the forms, functions and meanings of the royal register in the ceremonial customs of Pahang by focusing on linguistic evidence found in the state's official documents and ceremonial practices. It asks how pronouns, titles, address formulae, court vocabulary, and strategies of exaltation and self-abasement operate across different contexts of royal communication. A qualitative descriptive approach is employed through content analysis of the Constitution of the State of Pahang, an official ceremonial prayer, two types of royal correspondence, and the script used for the Pahang State Investiture Ceremony on 31 October 2023. Sulalatus Salatin and Hukum Kanun Melaka are treated as historical background sources, while interviews with key institutional informants are used to clarify the contexts in which the data are used. The analysis draws on Brown and Levinson's Politeness Theory together with Malay concepts of politeness. The findings show that the Pahang royal register operates through the elevation of royal status, the self-lowering of speakers, the regulation of communicative direction, and the institutional standardisation of formulaic expressions in ceremonies, correspondence and legal documents. Forms such as 'patik', 'beta', 'Ampun Tuanku', 'sembah patik mohon diampun' and 'menjunjung titah' demonstrate that their meanings extend beyond lexical definitions because they are embedded in decorum, hierarchy and institutional authority. The study contributes to the documentation of Pahang's linguistic heritage and has implications for protocol training, heritage education, official media usage, and the future development of a systematic corpus of Malay royal language.

Keywords: royal register; Pahang ceremonial customs; Malay politeness; court identity; Malay heritage

PENGENALAN

Bahasa yang digunakan dalam institusi beraja lazimnya memiliki bentuk sapaan, gelaran, kosa kata dan aturan interaksi yang berbeza daripada bahasa umum. Fenomena ini tidak terbatas kepada alam Melayu. Dalam tradisi monarki Asia, pemilihan bentuk bahasa tertentu menandai status, jarak sosial, penghormatan dan tatacara ritual. Kajian tentang bahasa Thai, misalnya, menunjukkan kewujudan imbuhan dan kosa kata khusus yang digunakan bagi merujuk kepada raja dan institusi diraja (Khamsaengtong 2024). Dalam tradisi Brunei, laras yang berkaitan dengan istana dan adat istiadat dikenali sebagai "bahasa dalam", yang berfungsi bersama terasul, gelaran dan aturan protokol (Jabatan Adat Istiadat Negara. t.th.). Perbandingan serantau ini menunjukkan bahawa bahasa berhierarki merupakan sebahagian daripada sistem budaya monarki, namun bentuk dan maknanya perlu dibaca menurut konteks masyarakat masing-masing.

Dalam tradisi Melayu, Bahasa Diraja ialah laras khusus yang mengandungi kata ganti nama, gelaran, formula sapaan, ungkapan ritual dan kosa kata istana yang mengawal komunikasi antara raja, kerabat, pembesar dan rakyat (Asmah 2016; Nik Safiah & Rozita 2019). Asmah (2016) menghuraikan Bahasa Diraja sebagai laras yang bukan sahaja memiliki bentuk leksikal tersendiri tetapi juga terikat dengan adab, konteks dan kedudukan penutur. Nik Safiah & Rozita (2019) turut menunjukkan bahawa bahasa istana mengandungi panggilan kehormat, kata ganti dan formula yang penggunaannya ditentukan oleh hubungan sosial. Kajian mutakhir tentang sapaan formal turut mengesahkan bahawa pemilihan kata ganti nama dan kata panggilan perlu disesuaikan dengan hubungan peserta serta situasi komunikasi (Maslida et al. 2024). Dalam konteks Pahang, Awang Azman & Hayati (2022) membuktikan bahawa pengucapan istana berfungsi seiring dengan protokol dalam mengangkat kedaulatan institusi diraja, manakala Hayati et al (2024) menegaskan fungsi istiadat sebagai mekanisme simbolik dan institusi. Bahasa Diraja dengan itu tidak hanya merupakan pilihan kata yang halus tetapi satu sistem komunikasi yang bergerak bersama adat dan struktur pemerintahan.

Walaupun penelitian terdahulu telah membincangkan bahasa istana, kesantunan, adat dan institusi raja namun masih terdapat keperluan untuk memperlihatkan bagaimana bentuk Bahasa Diraja berfungsi secara nyata dalam Negeri Pahang. Kajian yang memisahkan kosa kata, sejarah, adat dan perundangan boleh menyebabkan hubungan antara bentuk linguistik dengan konteks penggunaan sebenar kurang terserlah. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan mengenal pasti bentuk Bahasa Diraja dalam data istiadat Pahang, menganalisis fungsi dan maknanya melalui konsep pemulukan dan pendinaan serta menjelaskan penginstitusian bentuk tersebut dalam warkah dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang. Kajian menggunakan analisis kandungan kualitatif terhadap dokumen dan amalan rasmi Pahang dan disokong oleh pemerhatian lapangan serta temu bual dengan informan institusi untuk menjelaskan konteks. Sumber klasik digunakan sebagai latar Sejarah dalam kajian ini. Fokus ini membolehkan aspek linguistik, perundangan dan warisan budaya dibincangkan melalui bukti bahasa yang sama.

KAJIAN LITERATUR

BAHASA DIRAJA SEBAGAI LARAS LINGUISTIK

Penelitian tentang Bahasa Diraja perlu bermula dengan kedudukannya sebagai laras bahasa. Laras terbentuk apabila pilihan bahasa berkaitan rapat dengan situasi, peserta dan tujuan komunikasi. Dalam konteks istana, pemilihan itu menjadi lebih teratur kerana bentuk yang digunakan menandai kedudukan penutur dan penerima. Asmah (2016) menunjukkan bahawa

perbendaharaan Bahasa Diraja merangkumi kata ganti seperti beta dan patik, kata kerja dan keadaan khusus seperti bersemayam, mangkat dan gering serta ungkapan penghormatan. Nik Safiah & Rozita (2019) pula menekankan formula sapaan dan gelaran yang mengawal interaksi dengan institusi diraja. Oleh itu, analisis Bahasa Diraja tidak memadai dengan menyenaraikan perkataan; setiap bentuk perlu diterangkan berdasarkan siapa yang menggunakannya, kepada siapa ia ditujukan dan dalam situasi apa bentuk itu diaktifkan.

Laras ini juga muncul dalam domain yang berbeza. Dalam pertuturan menghadap, rakyat menggunakan bentuk seperti patik dan tuanku, manakala raja boleh menggunakan beta dalam konteks tertentu. Dalam majlis rasmi, formula ampun, sembah dan perkenan mengawal urutan tindakan. Dalam warkah, arah komunikasi menentukan sama ada formula pendinaan diperlukan, manakala dalam teks perundangan bentuk beta, baginda, Duli Yang Maha Mulia dan kurnia menandai kapasiti serta kedudukan institusi. Literatur turut menyebut penggunaan panggilan kekeluargaan diraja seperti ayahanda, bonda, kekanda dan adinda (Nik Safiah & Rozita 2019). Aspek kekeluargaan ini penting sebagai latar variasi laras tetapi tidak dijadikan dapatan utama kajian kerana korpus semasa berfokus pada dokumen dan amalan rasmi Pahang.

Penggunaan gelaran dan panggilan juga berkait dengan susun lapis masyarakat dan jenis hubungan sosial. Gelaran rasmi yang digunakan dalam majlis terbuka berbeza daripada panggilan kekeluargaan yang digunakan sesama kerabat. Dalam lingkungan keluarga diraja, bentuk seperti ayahanda, bonda, kekanda dan adinda memelihara hubungan kekeluargaan sambil mengekalkan kesantunan, sedangkan dalam ruang rasmi gelaran penuh dan pangkat institusi menjadi lebih dominan. Perbezaan ini penting dari sudut sosiolinguistik kerana menunjukkan bahawa register diraja tidak bersifat tunggal; ia berubah menurut domain, peserta dan tahap formaliti. Walau bagaimanapun, kerana kajian ini tidak mempunyai data pemerhatian terhadap interaksi keluarga diraja Pahang, aspek tersebut diletakkan sebagai konteks literatur dan tidak digunakan untuk membuat generalisasi tentang amalan keluarga diraja negeri.

KESANTUNAN MELAYU, PEMULUKAN DAN PENDINAAN

Aspek kedua ialah kesantunan. Brown dan Levinson (1987) mengemukakan konsep positive face dan negative face bagi menerangkan strategi penutur mengurus hubungan sosial dalam interaksi. Kerangka tersebut berguna untuk mengenal pasti bentuk penghormatan, pengurangan penonjolan diri dan pengurusan jarak kuasa. Namun, kesantunan Melayu tidak dapat disempitkan kepada strategi individu semata-mata. Asmah (2007) menghubungkan kesantunan dengan tatatertib dan konteks sosial, manakala Mohd Khaidir et al. (2021) serta Maslida et al. (2022) menunjukkan bahawa kesesuaian bentuk tutur, kata ganti dan kata panggilan berkait rapat dengan norma sosial serta situasi komunikasi. Hieda, et al. (2022) pula memperlihatkan bahawa strategi kesantunan dalam masyarakat Melayu perlu dibaca berdasarkan tindakan dan konteks komunikasi yang khusus. Dalam Bahasa Diraja, norma itu menjadi lebih formal kerana penggunaan patik, tuanku, ampun, sembah dan menjunjung titah bukan sahaja menandai kesopanan tetapi pengakuan terhadap struktur hierarki yang sah.

Kajian ini menggunakan istilah pemulukan bagi tindakan linguistik yang mengangkat martabat raja melalui gelaran, doa, pengiktirafan dan formula penghormatan, manakala pendinaan merujuk bentuk perendahan diri penutur melalui patik, sembah, permohonan ampun dan struktur permohonan perkenan. Kedua-dua istilah itu tidak dianggap padanan mutlak kepada positive politeness dan negative politeness. Fathi (2024) menegaskan bahawa kerangka Brown dan Levinson masih berguna sebagai alat analisis tetapi pengkategoriannya perlu digunakan secara berhati-hati, manakala Mulyono et al. (2025) menunjukkan bahawa strategi kesantunan dalam wacana formal turut berkait dengan autoriti, imej dan penerimaan ujaran. Oleh itu, teori Brown dan Levinson digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti strategi linguistik, kemudian ditafsir melalui kesantunan Melayu yang menekankan adab, budi bahasa,

tertib dan hierarki. Pendekatan ini mengelakkan pembacaan Bahasa Diraja secara mekanikal berdasarkan teori Barat tanpa mengambil kira makna budaya tempatan.

LATAR SEJARAH DAN KESINAMBUNGAN ISTILAH BAHASA DIRAJA

Sejarah penggunaan Bahasa Diraja dapat ditelusuri melalui bahasa Melayu klasik dan sumber istana. Sulalatus Salatin menggambarkan interaksi antara raja dengan pembesar serta rakyat melalui bentuk seperti tuanku, patik, sembah, titah, duli dan semayam (A. Samad 2010). Naratif tentang Raja Suran, Sang Sapurba dan Seri Teri Buana memperlihatkan bagaimana bahasa diraja dihubungkan dengan pembentukan hubungan raja-rakyat dalam tradisi kesultanan. Dalam satu petikan, teks menyatakan bahawa Demang Lebar Daun memulakan adat "bertuanku" dan "berpatik". Nilai sumber ini bagi kajian semasa bukan untuk menjadikan keseluruhan naratif klasik sebagai data Pahang tetapi untuk menunjukkan bahawa formula penghormatan dan perendahan diri mempunyai sejarah tekstual yang panjang dalam tradisi Melayu.

Hukum Kanun Melaka memberikan bukti yang lebih khusus tentang pengkhususan kosa kata diraja. Fasal yang dikenali sebagai "Hukum Bahasa Segala Raja-Raja" menyebut beberapa kata yang dikaitkan dengan raja, termasuk titah, patik, murka, kurnia dan anugerah (Van Ronkel 1919). Peruntukan tersebut memperlihatkan bahawa penggunaan sesetengah kata bukan sekadar soal gaya tetapi berkaitan dengan aturan kedudukan dan hubungan antara pemerintah dengan pihak yang diperintah. Dalam konteks Pahang, penelitian mutakhir terhadap Hukum Kanun Pahang turut menegaskan nilai teks undang-undang tempatan sebagai rekod normatif yang merakam struktur sosial dan autoriti politik negeri (Ahmad Farid et al. 2026). Dalam kajian ini, Hukum Kanun Melaka digunakan sebagai sumber latar sejarah bagi membandingkan kesinambungan istilah dengan dokumen Pahang moden; ia tidak dianggap sebagai korpus utama Negeri Pahang.

Sulalatus Salatin turut menyediakan contoh yang menjelaskan fungsi bentuk tersebut dalam interaksi. Ketika Demang Lebar Daun menghadap Seri Teri Buana, teks merekodkan ungkapan 'Apa kehendak duli tuanku memanggil patik?' dan 'yang mana titah duli tuanku Yang Maha Mulia, patik junjung' (A. Samad 2010). Dalam petikan ini, patik menandai kedudukan penutur yang merendah, duli tuanku dan Yang Maha Mulia memulukkan pihak raja, manakala titah dan junjung menghubungkan ujaran dengan autoriti serta penerimaan perintah. Contoh ini memperlihatkan bahawa kosa kata diraja telah berfungsi secara berangkai, bukan sebagai unit yang berdiri sendiri. Petikan lain yang menyebut sembah, hamba dan takhta dalam kisah Raja Suran memperlihatkan pola yang sama, iaitu pengagungan kedudukan raja disertai dengan penandaan kerendahan pihak yang berkomunikasi dengannya. Oleh sebab itu, sumber klasik digunakan dalam artikel ini untuk membina latar semantik dan pragmatik kepada analisis Pahang, bukannya untuk menggantikan bukti kontemporari negeri.

ADAT ISTIADAT, SEMANTIK ADAT MELAYU DAN KONTEKS PAHANG

Adat istiadat diraja Pahang ialah sistem yang tersusun melalui protokol, peranan pegawai, urutan majlis dan simbol yang diwarisi (Wan Wahid 2019). Awang Azman & Hayati (2022) menunjukkan bahawa pengucapan istana dalam istiadat pertabalan Pahang mempunyai fungsi mengangkat kedaulatan dan menyusun hubungan antara raja dengan peserta majlis. Hayati et al. (2024) pula menegaskan bahawa istiadat diraja bukan sekadar persembahan budaya tetapi mekanisme institusi yang menzahirkan legitimasi pemerintahan. Dari sudut linguistik, implikasinya ialah urutan istiadat menghasilkan keperluan bahasa tertentu: juruseru mengumumkan keberangkatan, pegawai merafak sembah, permohonan perkenan disampaikan dan titah dijunjung. Struktur ritual dengan itu membentuk struktur wacana.

Dalam konteks artikel ini, istilah adat Melayu tidak digunakan sebagai label umum kepada semua unsur budaya tetapi merujuk norma, tertib dan aturan yang menentukan kedudukan peserta serta kesesuaian tindakan dalam sesuatu interaksi. Wan Ahmad Fauzi (2018) menunjukkan hubungan antara konsep kedaulatan dengan tradisi perundangan Melayu, manakala Ahmad Farid et al. (2026) memperlihatkan bagaimana teks hukum Pahang dapat dibaca sebagai rekod normatif struktur sosial dan autoriti. Dari sudut semantik, sesuatu bentuk seperti patik, sembah, titah atau perkenan memperoleh makna penuh apabila dibaca dalam jaringan adat tersebut. Oleh itu, analisis artikel ini kekal berpusat pada data Negeri Pahang dan menggunakan sumber sejarah untuk menjelaskan kesinambungan makna, bukan menggantikan bukti kontemporari negeri.

WARKAH DAN DOKUMEN PERUNDANGAN SEBAGAI DOMAIN BAHASA DIRAJA

Bahasa istana tidak hanya hidup dalam pertuturan. Warkah diraja mempertemukan protokol, hubungan sosial dan bentuk bertulis. Warkah yang datang daripada raja kepada penerima mempunyai orientasi berbeza daripada warkah yang disembahkan kepada raja. Dalam warkah daripada raja, identiti pengirim, gelaran penerima dan ungkapan doa membentuk hubungan berhierarki tanpa memerlukan formula patik atau sembah. Sebaliknya, warkah ke sisi raja lazim menggunakan formula seperti “Ampun Tuanku”, “sembah patik mohon diampun” dan “patik yang sentiasa taat dan menjunjung titah perintah”. Perbezaan arah komunikasi ini membolehkan fungsi pemulukan dan pendinaan diuji pada dokumen sebenar, bukan sekadar disimpulkan daripada senarai kosa kata.

Dokumen perundangan pula memperlihatkan penginstitusian register diraja dalam teks yang mempunyai fungsi rasmi. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang menggunakan bentuk seperti beta, baginda, Duli Yang Maha Mulia, kurnia dan takhta (Kerajaan Negeri Pahang 2002). Sumber tersebut membolehkan kajian meneliti bagaimana bahasa menandai siapa yang bercakap dalam kapasiti berdaulat, siapa yang dirujuk dan bagaimana tindakan perundangan disampaikan. Hubungan antara bahasa, adat dan perundangan inilah yang menjadikan data Pahang penting untuk memperkukuh kajian Bahasa Diraja dari sudut linguistik.

JURANG KAJIAN

Daripada sorotan terdahulu, tiga jurang dapat dirumuskan. Pertama, kajian Bahasa Diraja sering membincangkan sejarah, adat, kosa kata atau institusi raja secara berasingan, sedangkan penggunaan sebenar berlaku serentak dalam wacana istiadat. Kedua, penelitian tentang Pahang banyak menumpukan tatacara dan kedaulatan istiadat, sedangkan perbandingan bentuk bahasa antara pengumuman juruseru, doa, warkah dan teks perundangan masih terhad. Ketiga, penerapan teori kesantunan perlu dibuktikan melalui unit data yang khusus supaya hubungan antara teori dengan dapatan tidak bersifat andaian. Kajian ini menangani jurang tersebut dengan menjadikan dokumen dan amalan adat istiadat Pahang sebagai korpus utama serta menggunakan sumber klasik hanya bagi menerangkan kesinambungan sejarah.


KERANGKA TEORI KESANTUNAN

Kerangka analisis kajian ini, seperti dirumuskan dalam Rajah 1 iaitu menggabungkan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dengan konsep kesantunan Melayu yang dihuraikan oleh Asmah (2007, 2016) serta Nik Safiah & Rozita (2019) dan diperkukuh oleh kajian mutakhir tentang kesantunan serta penggunaan bahasa dalam konteks masyarakat Melayu dan

institusi diraja (Mohd Khaidir et al. 2021; Awang Azman & Hayati 2022; Hieda et al. 2022; Petani et al. 2024; Hayati et al. 2024; Nur Habibah et al. 2025). Brown dan Levinson membantu mengenal pasti bagaimana ujaran mengurus penghormatan, jarak dan kuasa melalui strategi linguistik. Penggunaannya diperkukuh oleh kajian mutakhir yang menunjukkan bahawa kesantunan perlu dianalisis berdasarkan konteks, hubungan peserta dan bentuk ujaran sebenar (Hieda et al. 2024). Namun, hubungan raja-rakyat dalam adat Melayu bukan hubungan yang bersifat egalitarian. Kedudukan peserta telah ditentukan oleh institusi, adat dan protokol sebelum interaksi berlangsung. Oleh sebab itu, bentuk seperti patik atau sembah patik mohon diampun tidak ditafsir semata-mata sebagai pilihan spontan penutur untuk mengurangkan ancaman terhadap face tetapi sebagai formula budaya yang menzahirkan kedudukan penutur dalam struktur istiadat.

Dalam konteks kesantunan Melayu, budi, adab, tertib dan kesesuaian dengan kedudukan sosial merupakan asas penting dalam pemilihan bahasa (Asmah 2007, 2016; Mohd Khaidir et al. 2021; Maslida et al. 2022). Bentuk pendinaan tidak membawa makna penghinaan terhadap diri, sebaliknya menandai kesediaan penutur meletakkan diri pada kedudukan yang sesuai dalam hubungan berhierarki (Asmah 2016; Awang Azman & Hayati 2022). Pemulukan pula bukan pujian bebas tetapi pengiktirafan linguistik terhadap martabat dan autoriti raja (Nik Safiah & Rozita 2019; Hayati et al. 2024). Oleh itu, konsep *positive face* dan *negative face* digunakan secara berhati-hati sebagai alat pragmatik, manakala tafsirannya dirangka melalui nilai kesantunan Melayu (Brown & Levinson 1987; Hieda et al. 2022; Fathi 2024). Khusus bagi teks doa, konsep *face* tidak diterapkan secara literal kerana doa ialah ujaran keagamaan kepada Allah SWT; pemulukan dianalisis melalui gelaran, susunan rujukan dan kosa kata yang merepresentasikan kedudukan raja dalam teks ritual.

Secara operasional, pemulukan dikenal pasti melalui penggunaan gelaran penuh dan rujukan kehormat terhadap raja; kata atau frasa yang mengangkat tindakan serta kedudukan baginda seperti bersemayam, singgahsana dan menjunjung titah; doa yang memohon kesejahteraan serta kelangsungan pemerintahan; dan pengumuman ritual yang meletakkan raja sebagai pusat tindakan istiadat. Pendinaan pula dikenal pasti melalui kata ganti patik atau hamba, formula permohonan ampun, kata kerja sembah atau merafak sembah dan struktur permohonan yang bergantung pada perkenan raja. Kerangka ini membolehkan gagasan teori diaplikasikan dan dinilai berdasarkan bukti linguistik yang dikenal pasti dalam data kajian di Pahang.



RAJAH 1. Rajah Konseptual

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan reka bentuk analisis kandungan linguistik. Fokus kajian ialah Bahasa Diraja yang terdapat dalam dokumen dan amalan adat istiadat Negeri Pahang. Korpus utama terdiri daripada empat kelompok data: (i) teks pengendalian Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Pahang yang diperhatikan pada 31 Oktober 2023; (ii) teks doa istiadat yang diperoleh melalui Pejabat Mufti Negeri Pahang pada 12 Mac 2025; (iii) dua bentuk warkah rasmi yang disalin semula dengan keizinan Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, iaitu warkah daripada Sultan dan warkah yang disembahkan ke sisi Sultan; dan (iv) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang. Sulalatus Salatin dan Hukum Kanun Melaka tidak dijadikan sebagai korpus utama kajian berkaitan Pahang, sebaliknya dimanfaatkan sebagai sumber latar sejarah untuk menelusuri kesinambungan penggunaan istilah dan formula Bahasa Diraja. Sumber-sumber ini sebagaimana dilihat dalam jadual 1.

Proses pengumpulan data dilaksanakan melalui tiga teknik yang saling melengkapi. Pertama, analisis dokumen digunakan untuk mengenal pasti dan menyalin unit bahasa daripada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang, warkah dan teks doa. Kedua, pemerhatian lapangan dilakukan semasa majlis istiadat pada 31 Oktober 2023 bagi merekod urutan

pengumuman juruseru, sembah pegawai, permohonan perkenan dan formula menjunjung titah. Ketiga, temu bual dengan informan utama institusi digunakan sebagai teknik sokongan untuk menjelaskan konteks penggunaan teks dan ungkapan. Encik Mohd Ridzuan, Setiausaha Jemaah Pangkuan Diraja Pahang yang bertindak sebagai juruseru istiadat, dirujuk bagi menjelaskan konteks pengendalian majlis, manakala Sahibus Samahah Prof. Dato' Dr. Asmadi bin Mohamed Naim, Mufti Negeri Pahang, dirujuk berkaitan konteks teks doa. Temu bual ini tidak dijadikan korpus linguistik yang berdiri sendiri; fungsinya ialah mengesahkan konteks, fungsi dan tatacara penggunaan data yang dianalisis.

Instrumen analisis ialah matriks pengkodan yang dibina dengan mensintesiskan kerangka teori dan huraian Bahasa Diraja dalam literatur, khususnya Asmah (2016) serta Nik Safiah & Rozita (2019). Lima kategori digunakan: (1) kata ganti nama diraja; (2) gelaran dan rujukan kehormat; (3) formula sapaan dan permohonan; (4) kosa kata istana atau kata kerja ritual; dan (5) ungkapan pemulukan serta pendinaan. Pembahagian ini bukan dianggap sebagai lima 'jenis' Bahasa Diraja yang mutlak tetapi sebagai kategori kerja untuk mengkod unit bahasa dalam korpus. Setiap unit direkod bersama sumber, konteks, penutur atau arah komunikasi serta fungsi pragmatik. Pengelasan linguistik turut disemak secara dalaman oleh anggota penyelidik yang berlatar belakang linguistik Melayu, manakala informan institusi digunakan untuk mengesahkan konteks adat dan protokol. Pemisahan fungsi ini menjawab keperluan membezakan kesahan linguistik daripada kesahan konteks institusi.

Proses analisis data dilaksanakan dalam empat peringkat. Pada peringkat pertama, unit leksikal, frasa dan formula tetap dikenal pasti daripada setiap sumber. Pada peringkat kedua, unit yang mempunyai fungsi serupa dikelompokkan, misalnya patik, sembah dan mohon diampun sebagai bentuk yang menandai perendahan diri penutur. Pada peringkat ketiga, pola tersebut dipadankan dengan konsep pemulukan, pendinaan dan prinsip kesantunan Melayu. Pada peringkat keempat, pola dibandingkan merentas empat kelompok data untuk menentukan persamaan dan perbezaan fungsi antara istiadat, doa, warkah dan undang-undang. Kesahan interpretasi diperkukuh melalui triangulasi sumber antara dokumen, pemerhatian dan temu bual serta semakan silang dengan karya linguistik yang relevan. Proses ini memastikan penghujahan teori dibuat berdasarkan unit data yang dapat dikenal pasti dan bukan melalui andaian umum tentang institusi diraja.

JADUAL 1. Korpus dan sumber data kajian

Bil.	Korpus/Sumber	Kaedah dan Tarikh	Fokus Linguistik
1	Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Pahang	Pemerhatian dan teks juruseru, 31 Oktober 2023	Keberangkatan, sembah, perkenan dan titah
2	Teks doa istiadat	Dokumen melalui Pejabat Mufti Negeri Pahang, 12 Mac 2025	Gelaran, doa, bersemayam, singgahsana dan takhta
3	Dua bentuk warkah rasmi	Salinan semula dengan keizinan Pejabat CEO MUIP	Arah komunikasi, kata ganti, sapaan, sembah dan penutup
4	Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang	Analisis dokumen, edisi 2002	Beta, baginda, Duli Yang Maha Mulia, kurnia dan takhta
5	Sulalatus Salatin dan Hukum Kanun Melaka	Sumber latar sejarah	Kesinambungan istilah dan formula; bukan korpus utama Pahang

DAPATAN KAJIAN

Analisis menunjukkan bahawa Bahasa Diraja Pahang membentuk sistem yang konsisten, walaupun hadir dalam genre yang berbeza. Lima kategori yang digunakan dalam pengkodan berulang merentas pengumuman istiadat, doa, warkah dan teks perundangan, namun bentuk pemulukan dan pendinaan berubah mengikut arah komunikasi. Kata ganti dan gelaran

menandai kedudukan peserta; formula sapaan dan permohonan mengatur tindakan menghadap; kosa kata istana menandai tindakan atau keadaan khusus raja; manakala pemulukan dan pendinaan menjelaskan fungsi pragmatik bentuk tersebut. Kategori linguistik, contoh data, fungsi analitik dan sumber utama bagi setiap kategori dirumuskan dalam Jadual 2. Jadual 2 menunjukkan bahawa kelima-lima kategori linguistik Bahasa Diraja hadir dalam lebih daripada satu sumber data dan tidak terhad kepada satu bentuk wacana sahaja. Kata ganti nama diraja seperti *patik* dan *beta* secara langsung menandai kedudukan serta arah komunikasi, manakala gelaran dan rujukan kehormat seperti *Tuanku*, *baginda* dan *Duli Yang Maha Mulia* berfungsi memulukkan kedudukan pihak diraja. Formula seperti *Ampun Tuanku* dan *sembah patik mohon diampun* pula memperlihatkan pendinaan penutur serta permohonan akses atau perkenan sebelum sesuatu tindakan dilaksanakan. Kosa kata seperti *bersemayam*, *keberangkatan*, *titah* dan *kurnia* menunjukkan pengkhususan leksikal dalam register diraja. Sementara itu, ungkapan seperti *menjunjung titah* dan *limpah perkenan* memperlihatkan hubungan antara bentuk bahasa dengan pelaksanaan autoriti diraja. Keseluruhannya, jadual ini menunjukkan bahawa Bahasa Diraja Pahang berfungsi sebagai satu sistem linguistik yang menghubungkan kedudukan peserta, arah komunikasi dan tindakan dalam konteks institusi diraja.

JADUAL 2. Kategori linguistik Bahasa Diraja dalam data Pahang

Kategori	Contoh Data	Fungsi Analitik	Sumber Utama
Kata ganti nama diraja	patik; beta	Menandai kedudukan penutur dan arah komunikasi	Warkah; Undang-Undang Tubuh
Gelaran/rujukan kehormat	Tuanku; baginda; Duli Yang Maha Mulia	Pemulukan dan pengenalpastian kedudukan diraja	Istiadat; doa; warkah; undang-undang
Formula sapaan/permohonan	Ampun Tuanku; sembah patik mohon diampun	Pendinaan dan permohonan akses/perkenan	Istiadat; warkah ke sisi Sultan
Kosa kata/kata kerja ritual	bersemayam; keberangkatan; titah; kurnia	Menandai tindakan/keadaan khusus dalam register diraja	Doa; istiadat; undang-undang
Pemulukan dan pendinaan	menjunjung titah; limpah perkenan	Menjelaskan fungsi pragmatik dan semantik adat	Semua kelompok data

Sumber: Pengkodan data kajian berasaskan kerangka teori dan literatur Bahasa Diraja.

KATA GANTI NAMA, GELARAN DAN KOSA KATA KHUSUS

Kata ganti nama menunjukkan hierarki komunikasi secara langsung. Dalam warkah yang disembahkan kepada raja, patik digunakan bagi merujuk penulis atau pihak yang menghadap. Bentuk ini berbeza daripada saya atau kami kerana patik secara semantik dan pragmatik menandai kedudukan penutur yang merendah di hadapan raja. Dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang pula, beta digunakan sebagai rujukan diri Sultan dalam formula seperti "Bahawa Beta…" dan "Beta telah bersetuju…". Pasangan patik-beta dengan itu bukan sekadar variasi kosa kata tetapi menandai dua kedudukan institusi yang berbeza. Gelaran tuanku, baginda dan Duli Yang Maha Mulia pula menandai pihak diraja sebagai penerima atau rujukan yang dimuliakan.

Kosa kata seperti bersemayam, singgahsana, takhta, kurnia, keberangkatan, titah dan perkenan muncul dalam konteks khusus. Bentuk-bentuk ini tidak dapat digantikan secara langsung dengan tinggal, kerusi, memberi, datang, arahan atau izin tanpa mengubah register dan nilai adat yang dibawa oleh ujaran. Penggunaan tersebut memperlihatkan bahawa Bahasa Diraja bukan hanya bergantung pada kata ganti dan gelaran tetapi pada jaringan leksikal yang menentukan cara pergerakan, kediaman, pemberian, perintah dan persetujuan raja dinyatakan.

Teks doa yang diperoleh melalui Pejabat Mufti Negeri Pahang memperlihatkan bentuk pemulukan yang berbeza daripada dialog menghadap. Doa memohon agar Sultan dikurniakan "taufik, hidayah, ri'ayah dan 'inayah", berada dalam "rahmat perlindungan", dilanjutkan usia dan "kekal qarar memerintah bersemayam di atas singgahsana takhta kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur". Teks turut menyebut Raja Permaisuri, Pemangku Raja, anakanda, cucunda, kerabat, alim ulama dan rakyat dalam susunan tertentu. Penggunaan gelaran penuh dan kosa kata bersemayam, singgahsana, takhta serta pemerintahan memperlihatkan pemulukan melalui representasi kedudukan raja dalam teks keagamaan.

Dari sudut fungsi, teks doa tidak boleh ditafsir sebagai interaksi muka-ke-muka antara rakyat dengan raja. Doa ialah komunikasi keagamaan yang ditujukan kepada Allah SWT, sedangkan raja hadir sebagai pihak yang didoakan. Oleh itu, konsep air muka atau face daripada Brown dan Levinson tidak digunakan secara literal untuk menerangkan data ini. Analisis yang lebih tepat ialah bahawa struktur gelaran, susunan rujukan dan kosa kata ritual mengekalkan maruah serta kedudukan simbolik raja, di samping menghubungkan kesejahteraan pemerintah dengan negeri dan rakyat.

BAHASA DIRAJA DALAM MAJLIS ISTIADAT PAHANG, 31 OKTOBER 2023

Pemerhatian terhadap Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Pahang pada 31 Oktober 2023 menunjukkan bahawa Bahasa Diraja bukan sekadar digunakan sebagai bentuk penghormatan tetapi turut berfungsi mengatur urutan tindakan dalam pelaksanaan istiadat. Pada permulaan majlis, juruseru mengumumkan keberangkatan Pemangku Raja Pahang dengan menggunakan gelaran rasmi penuh:

> *'Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah'*
> *(*Sumber: Pemerhatian lapangan, 31 Oktober 2023*)*

Penggunaan gelaran penuh tersebut berfungsi menandai kedudukan pihak diraja yang menjadi pusat istiadat, di samping mengarahkan perhatian peserta kepada keberangkatan baginda. Pemilihan kata *keberangkatan* pula memperlihatkan penggunaan kosa kata khusus Bahasa Diraja bagi merujuk pergerakan raja, berbeza daripada kata umum seperti *datang* atau *hadir*. Pengkhususan kosa kata sedemikian merupakan salah satu ciri laras Bahasa Diraja yang membezakan penggunaan bahasa terhadap raja daripada penggunaan bahasa dalam komunikasi umum (Asmah 2016). Dalam konteks istiadat Pahang, penggunaan bahasa bersama gelaran dan protokol juga berperanan menzahirkan kedudukan serta kedaulatan institusi diraja (Awang Azman & Hayati 2022).

Urutan istiadat seterusnya memperlihatkan hubungan yang lebih jelas antara bahasa, hierarki dan pelaksanaan tindakan. Sebelum memohon perkenan untuk memulakan istiadat, pegawai yang menghadap terlebih dahulu merafak sembah dengan menggunakan formula pendinaan dan permohonan seperti berikut:

> *'Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun. Patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk patik memulakan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Pahang'.*
> *(*Sumber: Pemerhatian lapangan, 31 Oktober 2023*)*

Formula tersebut mempertemukan beberapa unsur penting Bahasa Diraja, iaitu *ampun*, *Tuanku*, *sembah*, *patik* dan *perkenan*. Kata *patik* menandai kedudukan penutur yang merendah ketika berkomunikasi dengan raja, manakala *ampun* dan *sembah* membingkai ujaran sebagai

permohonan yang disampaikan menurut tertib menghadap. Kata *perkenan* pula menunjukkan bahawa sesuatu tindakan dalam istiadat tidak dilaksanakan atas kuasa pegawai secara autonomi, sebaliknya bergantung pada persetujuan dan autoriti raja. Pola penggunaan ini selaras dengan ciri Bahasa Diraja yang menghubungkan pemilihan kata dengan kedudukan penutur, penerima dan konteks komunikasi (Asmah 2016; Nik Safiah & Rozita 2019).

Selepas perkenan diperoleh, juruseru mengisytiharkan pelaksanaan istiadat melalui formula:

> *'Menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang… Inilah diisytiharkan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Pahang Darul Makmur dizahirkan sekarang'.*
>
> (Sumber: Pemerhatian lapangan, 31 Oktober 2023)

Ungkapan *menjunjung titah perintah* menandakan bahawa tindakan yang dilaksanakan selepas itu berasaskan titah dan perkenan pihak diraja. Dengan demikian, susunan bahasa dalam majlis tersebut membentuk satu urutan institusional yang jelas, iaitu sembah dan permohonan-perkenan-menjunjung titah - pelaksanaan istiadat. Dapatan ini menunjukkan bahawa Bahasa Diraja bukan unsur hiasan dalam protokol tetapi menjadi mekanisme linguistik yang menghubungkan tindakan peserta dengan struktur autoriti dalam istiadat. Tafsiran tersebut memperincikan dapatan Awang Azman dan Hayati (2022) tentang fungsi pengucapan istana dalam mengangkat kedaulatan institusi diraja serta selaras dengan Hayati Adnan et al. (2024) yang melihat istiadat diraja sebagai mekanisme institusi yang menzahirkan kedudukan pemerintahan.

BAHASA DIRAJA DALAM WARKAH RASMI

Warkah pertama ialah surat daripada Sultan kepada penerima sebagaimana ditunjukkan dalam Lampiran 1. Salinan yang diperoleh daripada Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dibuka dengan basmalah dan salam, diikuti identifikasi pengirim melalui gelaran penuh. Dalam kandungan, bentuk *saya* digunakan oleh baginda ketika menyatakan penghargaan dan doa kepada penerima. Penggunaan ini menunjukkan bahawa Bahasa Diraja tidak semestinya menggunakan *beta* dalam setiap keadaan kerana arah komunikasi, genre dan konvensi dokumen turut menentukan pemilihan kata ganti diri. Warkah daripada Sultan memperlihatkan autoriti dan penghormatan melalui gelaran serta struktur dokumen tanpa memerlukan bentuk pendinaan penutur.

Warkah kedua, sebagaimana ditunjukkan dalam Lampiran 2 ialah surat yang disembahkan ke sisi Sultan. Struktur warkah ini memperlihatkan pendinaan dengan lebih ketara melalui formula "Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun", diikuti ungkapan "patik ingin menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Tuanku" dan permohonan "limpah perkenan". Penutup "patik yang sentiasa taat dan menjunjung titah perintah" terus menegaskan kedudukan pengirim terhadap raja. Bentuk *patik*, *sembah*, *ampun* dan *perkenan* menunjukkan bahawa penyampaian maklumat kepada raja dibingkai menurut hierarki dan tertib komunikasi diraja. Perbandingan kedua-dua warkah membuktikan bahawa Bahasa Diraja bersifat sensitif terhadap arah komunikasi: warkah daripada Sultan menonjolkan identiti dan autoriti diraja, manakala warkah kepada Sultan menonjolkan pendinaan serta permohonan perkenan.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan bahawa Bahasa Diraja turut digunakan secara institusional dalam wacana perundangan negeri. Pada bahagian awal dokumen, Sultan dirujuk melalui formula "Dengan Kurnia Allah Subhanahu Wa Ta'ala Bahawa Beta Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Mu'azzam Shah…", manakala bentuk "DAN BAHAWA BETA telah bersetuju…" dan "dikurnia dan diisytiharkan oleh Beta" digunakan dalam pernyataan berkaitan pengisytiharan Undang-Undang Tubuh (Kerajaan Negeri Pahang 2002). Penggunaan *beta*, *kurnia*, *takhta* dan *Duli Yang Maha Mulia* menunjukkan bahawa register diraja menjadi sebahagian daripada bahasa rasmi dokumen, khususnya ketika merujuk Sultan, persetujuan baginda dan kedudukan takhta.

Dari sudut fungsi, bentuk tersebut bukan sekadar penanda kehormatan tetapi mengenal pasti kedudukan dan kapasiti institusi pihak yang bertindak dalam dokumen. Kata *beta*, misalnya, menandai Sultan sebagai penutur dalam kapasiti diraja, manakala *kurnia* dan *diisytiharkan* menghubungkan tindakan perundangan dengan autoriti pemerintah. Gelaran *Duli Yang Maha Mulia Sultan* dan rujukan kepada *takhta* pula memberikan pengenalpastian rasmi terhadap kedudukan pemerintah dalam struktur perlembagaan negeri (Kerajaan Negeri Pahang 2002).

Penggunaan kosa kata khusus ini juga memperlihatkan kesinambungan tradisi bahasa perundangan Melayu. Istilah berkaitan autoriti raja seperti *titah*, *murka*, *kurnia* dan *anugerah* telah terdapat dalam tradisi perundangan Melayu terdahulu seperti *Hukum Kanun Melaka* (Van Ronkel 1919). Namun, dalam kajian ini, *Hukum Kanun Melaka* hanya digunakan sebagai sumber latar sejarah, manakala Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang menjadi bukti utama bagi penggunaan Bahasa Diraja dalam dokumen perundangan Pahang moden.

PERBINCANGAN

Dapatan merentas empat kelompok data menunjukkan bahawa Bahasa Diraja Pahang berfungsi melalui hubungan antara bentuk, arah komunikasi dan institusi. Pada aras bentuk, kategori utama merangkumi kata ganti, gelaran, formula sapaan, kosa kata istana dan kata kerja ritual. Pada aras arah komunikasi, penggunaan berubah bergantung pada sama ada ujaran datang daripada raja, ditujukan kepada raja atau menyebut raja sebagai pusat teks ritual. Pada aras institusi, bentuk tersebut muncul dalam majlis, doa, warkah dan undang-undang. Hubungan tiga aras ini menjelaskan mengapa Bahasa Diraja tidak boleh dianalisis sebagai senarai perkataan yang terpisah daripada konteks. Kata 'patik', misalnya, hanya memperoleh makna pragmatik penuhnya apabila digunakan oleh pihak yang merendahkan diri kepada raja, manakala 'beta' memperoleh fungsi institusi apabila digunakan oleh Sultan dalam teks tertentu.

Dalam konteks kajian ini, semantik adat Melayu merujuk kepada pemaknaan bentuk bahasa yang tidak hanya ditentukan oleh makna leksikal tetapi turut dibentuk oleh nilai, hierarki, adab dan hubungan sosial yang berakar dalam sistem adat. Kata patik bukan sekadar kata ganti nama diri pertama tetapi menandai kerendahan kedudukan penutur ketika berkomunikasi dengan raja. Titah bukan sekadar arahan tetapi merujuk perintah yang bersumber daripada autoriti raja; perkenan bukan sekadar izin tetapi pengesahan bahawa sesuatu tindakan boleh dilaksanakan dalam tertib istiadat; manakala menjunjung titah membawa makna menerima dan memuliakan perintah tersebut. Dengan itu, semantik adat menjadi penghubung antara bentuk bahasa dengan struktur sosial yang mengaktifkannya dan menjelaskan mengapa pemulukan serta pendinaan perlu dibaca sebagai makna budaya, bukan terjemahan leksikal semata-mata.

Teori Kesantunan Brown dan Levinson membantu menerangkan pola penghormatan dan perendahan diri tetapi data Pahang mengesahkan keperluan membaca teori tersebut melalui kerangka kesantunan Melayu. Gelaran penuh, pengumuman keberangkatan dan formula menjunjung titah boleh dibandingkan dengan strategi yang mengiktiraf martabat penerima, manakala patik, sembah dan mohon diampun mengurangkan penonjolan diri penutur serta mengiktiraf kuasa penerima. Namun, formula tersebut bukan pilihan individual yang bebas. Adat istiadat menetapkan peranan dan aturan sebelum ujaran berlaku. Hal ini selari dengan Asmah (2007, 2016), Maslida et al. (2022, 2024) dan Hieda et al. (2022) yang menunjukkan bahawa kesantunan, kata ganti dan sapaan perlu dibaca menurut taraf sosial, peranan peserta dan konteks komunikasi. Kesantunan Bahasa Diraja Pahang dengan itu bersifat institusional, ritual dan berhierarki. Hubungan antara bentuk linguistik, tafsiran teori, nilai kesantunan Melayu dan fungsi institusi bagi setiap konteks data dirumuskan dalam Jadual 3. Jadual tersebut memperlihatkan bahawa bentuk dan fungsi kesantunan berubah mengikut konteks serta arah komunikasi. Majlis istiadat dan warkah ke sisi Sultan lebih jelas memperlihatkan pendinaan serta pengiktirafan terhadap hierarki, manakala warkah daripada Sultan dan Undang-Undang Tubuh menonjolkan kedudukan serta autoriti institusi diraja. Dalam teks doa pula, pemulukan dizahirkan melalui gelaran, susunan rujukan dan kosa kata ritual, justeru memerlukan tafsiran yang berbeza daripada interaksi langsung antara penutur dengan raja. Perbezaan ini menunjukkan bahawa penerapan teori perlu mengambil kira sifat genre, kedudukan peserta dan fungsi komunikasi dalam adat istiadat Pahang.

JADUAL 3. Sintesis hubungan Bahasa Diraja, teori kesantunan dan fungsi institusi

Konteks data	Bentuk linguistik utama	Tafsiran Teori Kesantunan	Kesantunan Melayu	Fungsi institusi
Majlis istiadat	*Ampun Tuanku*, *sembah patik mohon diampun*, *menjunjung titah*, *perkenan*	Mengurangkan penonjolan diri dan mengiktiraf kuasa penerima	Adab menghadap, pendinaan dan kepatuhan terhadap hierarki	Mengatur tindakan istiadat dan menegaskan autoriti diraja
Warkah ke sisi Sultan	*patik*, *sembah*, *ampun*, *limpah perkenan*	Menandai jarak sosial dan pengiktirafan kuasa	Kerendahan diri, hormat dan kesesuaian kedudukan	Mengatur tatacara komunikasi kepada Sultan
Warkah daripada Sultan	Gelaran rasmi, *saya*, doa dan penghargaan	Bentuk dipilih menurut kedudukan penutur dan tujuan komunikasi	Kesantunan bergantung pada konteks dan hubungan peserta	Menegaskan identiti dan autoriti pengirim
Teks doa istiadat	Gelaran penuh, *bersemayam*, *singgahsana*, *takhta*	Konsep *face* tidak diterapkan secara literal	Pemulukan melalui gelaran, rujukan dan leksikon ritual	Menempatkan raja dalam struktur simbolik pemerintahan
Undang-Undang Tubuh Negeri Pahang	*beta*, *kurnia*, *Duli Yang Maha Mulia*, *takhta*	Menandai kedudukan dan kuasa institusi	Penghormatan dan hierarki dalam bahasa rasmi	Menginstitusikan Bahasa Diraja dalam wacana perundangan

Perbezaan genre turut menguji batas penggunaan teori. Dalam dialog istiadat dan warkah ke sisi raja, hubungan penutur-penerima membolehkan analisis pragmatik dilakukan secara langsung. Sebaliknya, dalam doa istiadat, raja bukan penerima ujaran tetapi pihak yang didoakan. Oleh itu, pemulukan dalam doa lebih tepat diterangkan melalui pilihan gelaran, susunan rujukan dan leksikon ritual, bukan melalui ancaman atau penjagaan face secara literal. Perbezaan ini penting kerana ia menunjukkan bahawa satu kerangka teori tidak boleh digunakan secara seragam kepada semua genre. Teori perlu dioperasikan berdasarkan sifat data dan disokong oleh konsep kesantunan Melayu serta fungsi ritual yang sebenar.

Dapatan juga memperlihatkan kesinambungan antara adat dengan perundangan. Hukum Kanun Melaka memberikan latar bahawa beberapa kata diraja pernah dikhususkan dalam tradisi perundangan, manakala Undang-Undang Tubuh Pahang membuktikan penggunaan beta, kurnia dan gelaran diraja dalam dokumen moden. Kesinambungan tidak bermaksud bentuk dan fungsi

kekal tanpa perubahan; yang berterusan ialah hubungan antara bahasa dengan autoriti. Dalam majlis, autoriti dizahirkan melalui permohonan perkenan dan titah; dalam undang-undang, melalui rujukan kepada Sultan dan takhta; dalam warkah, melalui arah komunikasi; dan dalam doa, melalui susunan pemulukan yang menghubungkan pemerintahan dengan kesejahteraan negeri. Peralihan medium ini menunjukkan bahawa Bahasa Diraja terus hidup melalui institusi yang menggunakan dan membakukan bentuknya.

Warkah memberikan bukti paling jelas bahawa register berubah mengikut peserta. Warkah daripada Sultan tidak menggunakan strategi pendinaan yang sama seperti warkah ke sisi Sultan. Hal ini menegaskan bahawa kategori linguistik perlu dihubungkan dengan siapa penutur, siapa penerima dan apa tujuan teks. Analisis berasaskan peserta memperkukuh fokus linguistik artikel dan mengelakkan kecenderungan menjadikan unsur sejarah, budaya atau perundangan sebagai dapatan yang berdiri sendiri. Setiap unsur hanya relevan sejauh mana ia menerangkan bentuk, fungsi dan makna Bahasa Diraja dalam konteks Pahang.

Dari sudut warisan, Bahasa Diraja boleh dianggap sebagai sebahagian daripada pengetahuan adat yang diwariskan melalui amalan. Konvensyen UNESCO (2003) menekankan amalan, representasi, ekspresi dan pengetahuan sebagai komponen warisan budaya tidak ketara. Dalam wacana diraja kontemporari, representasi raja juga terus berfungsi sebagai medium yang menghubungkan kepimpinan, identiti dan tradisi (Rosnani 2023). Dalam konteks Pahang, Bahasa Diraja memenuhi ciri warisan hidup kerana digunakan dalam majlis, doa, warkah dan dokumen rasmi. Pemeliharaan bagaimanapun tidak bermaksud membekukan bahasa. Dapatan menunjukkan variasi mengikut genre dan arah komunikasi. Dokumentasi yang baik perlu merekod bentuk bersama konteksnya supaya pengguna memahami bukan sahaja makna perkataan tetapi bila, oleh siapa dan untuk tujuan apa sesuatu bentuk digunakan.

Analisis turut memperlihatkan bahawa penggunaan bahasa berperanan dalam membentuk dan menegaskan identiti institusi. Bahasa Diraja tidak mewujudkan kedaulatan dengan sendirinya tetapi membantu menzahirkan dan mengatur kedaulatan dalam bentuk komunikasi yang dapat dikenali. Apabila juruseru menggunakan gelaran penuh, apabila pegawai memohon limpah perkenan atau apabila Undang-Undang Tubuh menggunakan beta dan kurnia, pilihan bahasa tersebut menjadikan kedudukan institusi dapat dibaca dalam teks dan tindakan. Hal ini menerangkan mengapa kesalahan kata ganti atau gelaran dalam konteks rasmi bukan hanya isu tatabahasa tetapi boleh mengaburkan hubungan peserta dan tahap formaliti yang dikehendaki oleh adat. Dalam pengertian ini, identiti istana dibentuk melalui pengulangan bentuk yang konsisten dalam institusi, bukan melalui simbol visual semata-mata.

Kesinambungan tersebut juga perlu dibezakan daripada andaian bahawa Bahasa Diraja tidak berubah. Data warkah menunjukkan bahawa baginda boleh menggunakan saya dalam genre tertentu, sedangkan Undang-Undang Tubuh menggunakan beta. Variasi ini membuktikan bahawa keberterusan warisan tidak terletak pada penggunaan satu bentuk secara mutlak tetapi pada kemampuan penutur dan institusi memilih bentuk yang sesuai dengan konteks. Kajian komunikasi Melayu mutakhir turut menunjukkan bahawa strategi kesantunan dalam medium digital masih bergantung pada tujuan ujaran, hubungan peserta dan bentuk mitigasi yang dipilih (Petani et al. 2024; Nur Habibah et al. 2025). Oleh itu, pemindahan formula Bahasa Diraja ke media baharu memerlukan pemahaman tentang fungsi asalnya. Penggunaan yang terlalu dipermudah boleh menghilangkan penanda hierarki, manakala penggunaan yang terlalu mekanikal tanpa memahami konteks boleh menghasilkan bahasa yang janggal. Dokumentasi Bahasa Diraja perlu merakam variasi, peserta dan fungsi, bukan sekadar membakukan senarai perkataan.

Sumbangan akademik kajian ini terletak pada penyatuan analisis linguistik, adat dan perundangan melalui data Pahang yang sama. Pertama, kajian membina kategori analisis yang menghubungkan bentuk bahasa dengan arah komunikasi dan fungsi pragmatik. Kedua, kajian menunjukkan bahawa pemulukan dan pendinaan perlu ditafsir melalui kesantunan Melayu,

bukan dipadankan secara mekanikal dengan positive dan negative politeness. Ketiga, kajian membuktikan penginstitusian register diraja melalui amalan istiadat, warkah dan Undang-Undang Tubuh Pahang. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai batasan: pemerhatian lapangan terperinci berpusat pada satu majlis pada 31 Oktober 2023 dan warkah yang dianalisis diperoleh melalui satu institusi. Kajian lanjut wajar memperluas korpus kepada istiadat pertabalan, pembukaan persidangan, pengurniaan darjah pada tahun berlainan, warkah daripada beberapa institusi dan transkrip media rasmi. Perbandingan antara Pahang dengan Kelantan, Perak, Johor dan Brunei juga boleh menentukan bentuk yang dikongsi bersama dan bentuk yang bersifat negeri.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa Bahasa Diraja dalam adat istiadat Negeri Pahang ialah sistem linguistik yang berfungsi secara langsung dalam pelaksanaan hierarki, protokol dan autoriti institusi. Bukti daripada Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Pahang, teks doa, warkah rasmi dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang memperlihatkan pola yang konsisten. Pemulukan dilaksanakan melalui gelaran penuh, rujukan kehormat, kosa kata istana dan formula yang mengangkat kedudukan raja, manakala pendinaan dizahirkan melalui patik, sembah, ampun dan permohonan perkenan. Perbezaan antara warkah daripada Sultan dengan warkah ke sisi Sultan menunjukkan bahawa bentuk Bahasa Diraja berubah mengikut arah komunikasi dan kedudukan peserta.

Dari sudut teori, dapatan menyokong penggunaan Teori Kesantunan Brown dan Levinson untuk mengenal pasti strategi penghormatan dan perendahan diri tetapi tafsirannya perlu disokong oleh konsep kesantunan Melayu yang menekankan adab, budi, tatatertib dan hierarki. Dari sudut semantik adat, bentuk seperti patik, titah, perkenan dan menjunjung titah membawa makna yang tidak dapat dipisahkan daripada hubungan raja-rakyat. Dari sudut institusi pula, penggunaan beta, kurnia dan gelaran diraja dalam Undang-Undang Tubuh Pahang menunjukkan bahawa register ini bukan sekadar tradisi lisan tetapi sebahagian daripada bahasa rasmi negeri.

Implikasinya, usaha pemeliharaan Bahasa Diraja Pahang perlu berasaskan contoh autentik dan konteks penggunaan. Dokumentasi, modul protokol, latihan media dan pendidikan warisan harus menerangkan hubungan antara penutur, penerima, jenis teks dan fungsi adat, bukan hanya menyediakan senarai istilah. Dengan korpus yang lebih luas pada masa hadapan, penyelidikan dapat memetakan variasi antara majlis dan perubahan penggunaan secara diakronik. Fokus pada Pahang dalam kajian ini memperlihatkan bahawa kesinambungan Bahasa Diraja bergantung pada penggunaan bahasa yang teratur, difahami dan dipraktikkan dalam institusi negeri.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Jemaah Pangkuan Diraja Pahang, Pejabat Mufti Negeri Pahang serta Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang atas maklumat, konteks dan akses kepada bahan yang berkaitan. Kajian ini tidak menerima geran penyelidikan khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan.

RUJUKAN

A. Samad Ahmad (peny.). 2010. *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Edisi Kesepuluh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Farid Abd Jalal, Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2026. Hukum Kanun Pahang sebagai arkib peradaban kelautan Alam Melayu. *Jurnal Melayu* 25(1): 58–79.

Asmah Haji Omar. 2007. *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan, Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 2016. *Bahasa Diraja*. Edisi baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Azman Awang Pawi & Hayati Adnan. 2022. Mengangkat kedaulatan institusi diraja melalui pengucapan istana: Kajian Istiadat Pertabalan Diraja Negeri Pahang. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 13(2): 17–29. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.fa.2.2022

Brown, P. & Levinson, S. C. 1987. *Politeness: Some Universals in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.

Fathi, S. 2024. Revisiting Brown and Levinson's theory of politeness. *European Journal of Language and Culture Studies* 3(5): 1–11. https://doi.org/10.24018/ejlang.2024.3.5.137

Hayati Adnan, Awang Azman Awang Pawi & Mohamad Hilmi Mat Said. 2024. Istiadat pertabalan diraja sebagai mekanisme ke arah pengukuhan kedaulatan institusi diraja Melayu. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 9(2): 116–123. https://doi.org/10.15282/ijhtc.v9i2.11592

Hieda, N., Nor Hashimah Jalaluddin & Mohammad Fadzeli Jaafar. 2022. Strategi penolakan ajakan menerusi WhatsApp dalam masyarakat Melayu. *Akademika* 92(1): 151–164. https://doi.org/10.17576/akad-2022-9201-12

Jabatan Adat Istiadat Negara. t.th. *Terasul dan Bahasa Pengganti Diri: Bahasa Dalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan Negeri Pahang. 2002. *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang: Laws of the Constitution of Pahang*. Mengandungi segala pindaan hingga 30 Jun 2002. Kuala Lumpur: Dicetak semula dengan kuasa Penasihat Undang-undang Negeri Pahang.

Khamsaengtong, T. 2024. A study on royal affixes in the Thai language. *Princess of Naradhiwas University Journal of Humanities and Social Sciences* 11(1): 204–223. https://doi.org/10.14456/pnuhuso.2024.12

Maslida Yusof, Karim Harun, Muhammad Azlan Mis, Sharifah Raihan Syed Jaafar & Rusmadi Baharuddin. 2022. Penguasaan peraturan tatabudaya Melayu dalam komunikasi mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Jurnal Linguistik* 26(2): 80–91.

Maslida Yusof, Karim Harun, Azlan Mis, Sharifah Raihan Syed Jaafar & Rusmadi Baharuddin. 2024. Sapaan dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Melayu* 23(1): 105–120.

Mohd Khaidir Abdul Wahab, Mohd NorTaufiq NorHashim & Wan Azni Wan Mohamad. 2021. Aspek kesantunan dan ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan pelajar bahasa Melayu: Satu kajian perbandingan dua buah negara. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik* 3(2): 1–20. https://doi.org/10.53840/ejbl.v3i2.70

Mulyono, Laksono, K., Wuryaningrum, R. & Cahyo, A. A. R. 2025. The application of politeness principles in speech acts in the 2024 presidential election debate. *Cogent Arts & Humanities* 12(1): 2495479. https://doi.org/10.1080/23311983.2025.2495479

Nik Safiah Karim & Rozita Che Rodi. 2019. *Bahasa Istana D'Raja Kelantan: Mercu Kegemilangan Budaya*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Nur Habibah Che Rosdi, Muhammad Anas Abdul Rahim & Vanupriyaa Sathiyananthan. 2025. Kesantunan berbahasa dalam perniagaan penstriman langsung TikTok Dato' Alha Alfa. *Jurnal Melayu* 24(1): 159–179.

Petani Mohd Noor, Marlyna Maros, Kesumawati Abu Bakar & Normalis Amzah. 2024. Communication in the workplace: Request mitigations in instant messaging (IM) among native Malay speakers. *GEMA Online Journal of Language Studies* 24(3): 93–111. https://doi.org/10.17576/gema-2024-2403-06

Rosnani Ibrahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah & Shaiful Bahri Md. Radzi. 2023. Penyayang dan berwawasan ciri kepimpinan pemerintahan dalam syair diraja Melayu Perak-Johor era kontemporari. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities* 20(2): 251–265. https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2002.22

UNESCO. 2003. *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*. Paris: UNESCO.

Van Ronkel, Ph. S. 1919. *Risalat Hoekoem Kanoen: Jaitoe Oendang-Oendang Melaka*. Leiden: E.J. Brill.

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar Omar Din. 2018. Konsep kedaulatan dalam Hukum Kanun Melaka. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* 22: 61–73. https://doi.org/10.17576/juum-2018-22-07

Wan Wahid Wan Hassan. 2019. Adat Istiadat Diraja Pahang. Dlm. *Prosiding Kolokium Diraja Pahang: Daulat Tuanku*. Pekan: Perbadanan Muzium Negeri Pahang.

PENULIS:

ABDUL MONIR YAACOB
Alumni, Universiti Islam Melaka (UNIMEL)
Penyelidik Bebas (*Independent Researcher*)
Malaysia
Emel: abdulmonir@gmail.com

ZURAIDAH HASSAN (Penulis koresponden)
Fakulti Sains Sosial,
Universiti Islam Melaka (UNIMEL),
Melaka, Malaysia
Emel: zuraidahhassan@unimel.edu.my

NOR AZIZAH OTHMAN
Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi,
Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya (UM),
Kuala Lumpur, Malaysia
Emel: norazizaho@um.edu.my

NUR MOHD IQZUAN BIN SAMSUDIN
Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa,
Universiti Islam Melaka (UNIMEL),
Melaka, Malaysia
Emel: iqzuan@unimel.edu.my

LAMPIRAN 1

SALINAN SEMULA WARKAH DARIPADA SULTAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Warkatul Ikhlas watuhfatul ahkyar daripada saya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang Darul Makmur.

Mudah-mudahan barang diwasaalkan oleh Tuhan Rabbul 'Alamin apalah jua kiranya datang ke majlis orang tua saya Yang Hormat…yang berada pada masa ini dengan kesejahteraannya.

Waba'adah Ehwal adalah saya dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas perkhidmatan orang tua saya sebagai Ahli Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang selama 32 tahun……

Sesungguhnya khidmat dan jasa bakti yang dicurahkan oleh orng tua saya amat besar ertinya kepada syiar Islam di- Negeri Pahang Darul Makmur ini, Saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga orang tua saya seisi keluaraga akan sentiasa berada di dalam keadaan sihat walafiat dan selamat sejahtera. Insya – Allah.

Demikianlah saya maklumkan dan disudahi dengan salam jua adanya.

Termaktub: Di Istana Abu Bakar,
26600 Pekan,
Negeri Pahang Darul Makmur

Sumber: Salinan semula warkah rasmi, ihsan Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

Akademika 96(3), October 2026
https://doi.org/10.17576/akad-2026-9603-08

LAMPIRAN 2

SALINAN SEMULA WARKAH YANG DISEMBAHKAN KE SISI SULTAN

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, A-l-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah…… yang bersemayam pada ini di Istana Negera, Kuala Lumpur dengan penuh kemuliaan dan kebesarannya.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun, Sembah Patik Mohon Diampun.
Waba'adaheEhwal adalah warkah yang tulus Ikhlas ini datangnya daripada patik…; dengan penuh rasa hormat dan takzimnya patik ingin menyambah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Tuanku berkenaan dengan……Sehubungan itu, patik memohon limpah perkenan serta apa jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai perkara termakljum.

Ampun Tuanku.
Had inilah patik memaklumkan sembah dan seterusnya patik berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan dengan limpah rahmatnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawkkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, Paduka-Paduka Anakanda, Cucunda dan kerabat-kerabat DiRaja sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat, aman Bahagia dan sejahtra dalam pemeliharaan Allah jua hendaknya, Insya-Allah .

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.
Patik yang sentiasa taat dan menjunjung titah perintah.

(Sumber: Salinan semula Surat Ihsan pejabat CEO, Majlis Ugama Islam Pahang)